

## TERMA DAN SYARAT

**PROGRAM : PERTANDINGAN MENGHASILKAN VIDEO TIKTOK KREATIF BERTEMA PENGHIJAUAN MALAYSIA: PENANAMAN 100 JUTA POKOK**

**ANJURAN : YAYASAN HIJAU MALAYSIA (YHM) DAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)**

### **OBJEKTIF:**

- Meningkatkan kepelbagaian aktiviti dalam ruang lingkup kempen terutamanya untuk individu dan masyarakat memandangkan jabatan kerajaan tidak dapat menjalankan aktiviti penanaman dan restorasi sepanjang PKP;
- Meningkatkan semangat cintakan alam semula jadi melalui aktiviti penanaman pokok di tempat kediaman;
- Memberi peluang kepada masyarakat untuk mengetengahkan bakat dalam menyampaikan mesej 'Penghijauan Malaysia' dalam bentuk video yang paling kreatif; dan
- Meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup dalam usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti negara kita.

### **KUMPULAN SASAR (Yang Berada di Rumah/Kediaman Masing-masing):**

- Pelajar (Sekolah/Institusi Pendidikan Tinggi)
- Remaja/Belia
- Keluarga

**(Nota: Semua peserta dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara sepenuhnya)**

### **SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN**

- Pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- Dengan menyertai pertandingan ini, semua peserta adalah tertakluk di bawah terma dan syarat pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan Hijau Malaysia (YHM).
- Setiap peserta hanya dibenarkan untuk menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- **Video yang diambil mestilah memaparkan aktiviti penanaman pokok di tempat kediaman.**

- **Definisi pokok ialah semua jenis pokok yang merupakan tumbuhan ber kayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.**
- **Durasi video** hendaklah **tidak melebihi 1 minit** menggunakan aplikasi **TikTok** sahaja.
- Audio, suntingan dan ubah suai adalah bebas dan hanya menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja.
- Penghasilan video perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan Penularan Covid-19 oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang terkini.
- **Akaun Tik Tok** peserta hendaklah ditetapkan '**public**' dan bukan '**private**'.
- Yayasan Hijau Malaysia BERHAK/BOLEH menggunakan video yang dihantar untuk tujuan promosi 'Penhijauan Malaysia' dan apa-apa program yang dirasakan bersesuaian.
- Pemenang akan dinilai berdasarkan video yang paling kreatif dan mempunyai '**Like**' paling banyak.
- Setiap peserta juga perlu mendaftar dan memuat turun aplikasi "Penhijauan Malaysia" daripada *Google Playstore*, *Apple Appstore* atau *Huawei App Gallery* bagi merekodkan aktiviti penanaman pokok yang dilaksanakan. Gambar pokok yang telah ditanam hendaklah dimuat naik melalui aplikasi "Penhijauan Malaysia".
- Setiap penyertaan akan dihakimi oleh panel juri yang telah ditetapkan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).
- Penilaian dan penghakiman adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat-syarat dan format pertandingan seperti yang telah digariskan.
- Keputusan pertandingan akan diumumkan melalui *Facebook Page* Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM).
- **Keputusan** panel juri adalah **MUKTAMAD**.

#### **LANGKAH-LANGKAH PENYERTAAN**

- Penyertaan adalah percuma, tetapi kos yang terlibat semasa penghasilan video ini ditanggung sendiri oleh peserta.
- '**Like**' dan '**Follow**' *Facebook Page* Kempen Penanaman 100 Juta Pokok (@100jutapokok) dan Yayasan Hijau Malaysia (@YaHijauOfficial).
- **Hasilkan video yang paling menarik dan kreatif.**

- **Kongsikan video TikTok** anda di **Messenger Facebook Page Yayasan Hijau Malaysia** serta letakkan **hashtag #PokokKitaKehidupanKita, #OurTreesOurLife dan #100JutaPokok**.
- Setelah dikongsikan video di **Messenger Facebook Page Yayasan Hijau Malaysia**, peserta akan diminta oleh sekretariat untuk **mengisi borang pendaftaran (Google Form)**.
- Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - Nama :
  - No. Kad Pengenalan
  - No. Telefon :
  - Alamat Rumah:
  - *Username Facebook*:
  - *Username TikTok*:
  - Alamat Emel :
- Semua penyertaan haruslah dihantar ke **Messenger Facebook Page Yayasan Hijau Malaysia (@YaHijauOfficial)** **sebelum/pada 11 Julai 2021 (Ahad), jam 5.00 petang**.

#### **TARIKH PENTING PERTANDINGAN**

| <b>PERKARA</b>  | <b>TARIKH</b>              |
|---|----------------------------|
| Tempoh penghasilan video oleh peserta   | 9 Jun - 11 Julai 2021      |
| Tarikh tutup pertandingan video kepada pihak penganjur  | 11 Julai 2021, 5.00 petang |
| Penjurian dan pemilihan video kreatif untuk senarai pendek  | 12 - 19 Julai 2021         |
| Sekretariat akan memuat naik video yang disenarai pendek untuk mendapatkan undian " <i>LIKE</i> " di (Facebook) FB @YaHijauOfficial | 19 - 30 Julai 2021         |
| Pertandingan tamat  | 30 Julai 2021, 5.00 petang |
| Pengumuman keputusan pertandingan di Facebook (FB) @YaHijauOfficial, @KeTSAMalaysia, @jpsmofficial                                  | 9 Ogos 2021                |

#### **HAK MILIK DAN PENGGUNAAN**

Hak eksklusif diberi kepada penganjur untuk mempamerkan video tersebut berserta maklumat yang disertakan bagi tujuan penerbitan, pemasaran, promosi dan komersial. Dengan menyertai pertandingan ini, semua peserta telah bersetuju memberikan hak milik/hak cipta dan penggunaan serta membenarkan pihak Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM)

untuk mengguna semula, menyiarkan, menerbit atau mempamerkan penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium sama ada tempatan atau antarabangsa tanpa sebarang notis atau pembayaran royalti kepada para peserta.

## **PENAFIAN**

Pihak penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga.

Dengan penyerahan hasil karya kepada YHM secara automatik, peserta mengakui dan membuat representasi bahawa setiap elemen di dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga atau apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Pihak YHM mempunyai kuasa mutlak dan berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya difikirkan patut dan perlu. Pihak penganjur berhak membuat keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini demi memastikan kelancaran perjalanan pertandingan pada satu-satu masa.

## **HADIAH PERTANDINGAN**

Johan : RM1,000.00 + *E-cert*  
Naib Johan : RM700.00 + *E-cert*  
Tempat Ketiga : RM350.00 + *E-cert*  
Saguhati (25 pemenang): RM100.00 + *E-cert*

Untuk maklumat lanjut dan pertanyaan: [muhammadasyrafali@yahijau.com](mailto:muhammadasyrafali@yahijau.com) / [ridhuan@yahijau.com](mailto:ridhuan@yahijau.com)

**DISEDIKAN OLEH:**

**YAYASAN HIJAU MALAYSIA (YHM)**

**JUN 2021**